

**JABATAN PENDAFTARAN NEGARA MALAYSIA**

No 20, Persiaran Perdana, Presint 2
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62551 WP PUTRAJAYA
 MALAYSIA

Tel: 603-8000 8000
 Faks: 603-8880 8288
 Laman Web: www.jpn.gov.my
 E-mel: pro@jpn.gov.my



Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.35 (85)
 Tarikh : 30 Disember 2016

**Ketua Pengarang,
 Harian Metro**

Telah difakskan pada: **30 DEC 2016**

Tuan,

MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR HARIAN METRO BERTAJUK "JEJAK IBU BAYI UNTUK DAFTAR ANAK ANGKAT" BERTARIKH 30 DISEMBER 2016, JUMAAT – M.S: 4 (TENGAH)


Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan Puan Azizah binti Mohamed berkaitan permohonan pendaftaran sijil kelahiran anak jagaan beliau.
3. Ingin dimaklumkan, JPN telah menghubungi Puan Azizah binti Mohamed pada 30 Disember 2016 dan beliau mengakui tidak pernah hadir ke JPN dalam menguruskan pendaftaran kelahiran anak jagaan beliau seperti yang disiarkan berita.
4. Sehubungan dengan itu, JPN menasihatkan beliau untuk hadir ke pejabat JPN berhampiran bagi mendaftar kelahiran anak jagaan beliau.
5. Ingin dijelaskan, setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia perlu didaftarkan tanpa mengira status kewarganegaraan ibu bapa kandung kanak-kanak berdasarkan Akta Pendaftaran Kelahiran Dan Kematian (Peruntukan-Peruntukan Khas) 1975 (Akta 152) dan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) dan pendaftaran kelahiran boleh dikemukakan oleh sesiapa sahaja yang mengetahui perihal kelahiran kanak-kanak berdasarkan maklumat yang terdapat pada borang kelahiran (JPN.LM01).

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)
 Pegawai Perhubungan Awam,
 b.p Ketua Pengarah,
 Jabatan Pendaftaran Negara,
 Malaysia.

☎ : 03-88807077
 📠 : 03-88808288
 ✉ : pro@jpn.gov.my

- s.k.:
1. YBrs. Tuan KPPN
 2. YBrs. Tuan TKPPN (P)
 3. YBhg. Dato' TKPPN (O)

RAKYAT DI HATI JPN

